FOTO: IQMAL HAQIM ROSMAN



MARECZKO (dua dari kanan) menjuarai peringkat ketujuh.

Harian Metro - 1/3/2017 (M/s 54).


Azlan Muhammad Zain
azlanmz@hmetro.com.my


# JAGOAN REMBAU

## Mareczko menang di lokasi sama dua tahun berturut-turut

**Rembau**

Pelumba Wilier Triestina Jakub Mareczko mempunyai tuah tersendiri di Rembau apabila memenanginya di lokasi sama untuk dua tahun berturut-turut.

Selepas memenangi edisi 2016 Le Tour de Langkawi (LTdL) dari Putrajaya ke Rembau, pelumba dari Itali itu menang di lokasi sama tahun ini.

Namun kali ini perlumbaan peringkat ketujuh dari Melaka ke Rembau sejauh 148.1 kilometer menyaksikan Mareczko mencatatkan masa tiga jam 23 minit 45 saat.

Lebih menggembirakan dia akhirnya berjaya merampas jersi Raja Pecut (Teal) yang disarung pelumba Dimension Data Ryan Gibbons sejak beberapa peringkat lalu.

Malah kemenangan itu yang kedua buatnya pada LTdL tahun ini selepas memenangi peringkat ketiga dari Serdang ke Pantai Remis, Jumaat lalu.

"Saya sangat gembira kerana sasaran untuk meraih jersi Raja Pecut akhirnya tercapai hari ini (semalam).

"Saya perlu berjuang habis-habisan esok (hari ini) untuk mengekalkan jersi namun sedar saingan pasti sengit kerana hari terakhir. Semua pasti mahu melakar kemenangan," tambah pelumba dari Itali itu.

Tumpuannya pasti terarah kepada penyarung jersi kuning, Gibbons yang hanya ketinggalan satu mata di belakangnya.

Tindakan paling selamat untuk Mareczko mengekalkan jersi berkenaan adalah dengan memenangi perlumbaan peringkat kelapan dari Setiawangsa ke Putrajaya sejauh 121 kilometer.

Bagaimanapun Gibbons menjelaskan sudah tidak berminat dengan jersi teal dengan menegaskan tumpuan adalah mengekalkan jersi kuning.

**le tour de LANGKAWI malaysia 2017 — LTDL 2017**

**KEPUTUSAN**

| | | |
|---|---|---|
| **PELUMBA TERBAIK** | | |
| 1 | Jakub Mareczko, Wilier Triestina | 3'23:45s (ITA) |
| 2 | Travis McCabe, UnitedHealthCare | 3'23:45s (USA) |
| 3 | Andrea Palini, Androni Giocattoli | 3'23:45s (ITA) |
| **PELUMBA TERBAIK MAS** | | |
| 14 | Mohd Shahrul Mat Amin (TSG) | 3'23:45s |
| 28 | Anuar Manan (TSG) | 3'23:45s |
| 37 | Nur Amirul Fakhruddin (TSG) | 3'23:45s |
| **JERSI KUNING** | | |
| 1 | Ryan Gibbons, Dimension Data | 26'26:06s (RSA) |
| 2 | Cameron Bayly, IsoWhey Sports SwissWellness | 26'26:30s (AUS) |
| 3 | Alberto Cecchin, Wilier Triestina | 26'26:34s (ITA) |
| **RAJA PECUT** | | |
| 1 | Jakub Mareczko, Wilier Triestina | 54 mata (ITA) |
| 2 | Ryan Gibbons, Dimension Data | 53 (RSA) |
| 3 | Travis McCabe, UnitedHealthCare | 47 (USA) |
| **RAJA BUKIT** | | |
| 1 | John Kronborg Ebsen, Infinite AIS | 32 mata (DEN) |
| 2 | Mekseb Debesay, Dimension Data | 25 (ERI) |
| 3 | Wilmar Jair Perez Munoz, Sapura | 24 (COL) |
| **PELUMBA TERBAIK ASIA** | | |
| 1 | Hideto Nakane, Nippo-Vini Fantini | 26'27:13s (JPN) |
| 2 | Tomohiro Hayakawa, Aisan | 26'28:04s (JPN) |
| 3 | Dmitriy Lukyanov, Vino-Astana Motors | 26'28:04s (KAZ) |